

# UMS prihatin penuntut OKU

um 10.9.2014 26

KOTA KINABALU 9 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan penuntutnya, termasuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Perkara itu dinyatakan seorang penuntut OKU, Sylvis A. Tay yang ditemui selepas majlis lafaz ikrar dan aku janji penuntut baharu di Dewan Canselor UMS, dekat sini baru-baru ini.

Beliau yang hilang kaki kirinya akibat kanser tulang sejak berusia sembilan tahun berkata, UMS melalui inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menyediakan pengangkutan khas untuk memudahkan pergerakan penuntut sepertinya sepanjang pengajian.

“Selain itu, saya dan rakan-rakan lain turut ditempatkan di bahagian aras bawah di kolej kediaman bagi memastikan kami tidak perlu bersusah payah menaiki tangga untuk ke bilik.

“Saya sangat terharu dan berterima kasih atas layanan

istimewa yang diberikan UMS,” katanya yang mendapat tawaran pengajian dalam bidang Kejuruteraan Perisian, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Komputer (FKSW).

Sylvis yang juga anak kelahiran Kota Marudu turut memuji keramahan kakitangan UMS dan para Pembimbing Suai Mesra (PSM) yang sentiasa bersedia dalam memberi khidmat bantuan kepada seluruh mahasiswa.

“Selaku penuntut baharu, saya tidak rasa terasing dan berada jauh daripada keluarga memandangkan kemesraan dan layanan baik pihak universiti membuatkan kami seperti berada di rumah.

“Saya percaya rakan-rakan mahasiswa lain juga sependapat dengan saya,” katanya.

UMS kini menjadi pilihan utama penuntut apabila mencatatkan jumlah tertinggi memasukkan penuntut baharu prasiswazah dengan seramai 4,851 orang.

Daripada jumlah tersebut, enam daripadanya merupakan penuntut OKU.